

Sharir sedia terima teguran, pandangan pelbagai pihak

JOHOR BAHRU, Ahli
Ahli Majlis Tertinggi (MT)
Umno, Datuk Sharir Samad
menerima dengan hati ter-
buka pandangan dan tegu-
ran pelbagai pihak mence-
nai kenyataannya dalam
laman web.Malaysiakini.
com, Khamis lalu.

Ketua Umno Bahagian
Johor Bahru itu menegaskan
pendiriannya tetap
sama seperti kenyataan
yang disiarkan dalam
laman web itu mengenai
Barisan Nasional (BN) te-
was dalam pilihan raya
kecil Dewan Undangan
Negeri (DUN) Lunas.

Justeru, beliau akan
menggunakan kedudukan-
nya sebagai ahli MT un-
tuk menyuarakan rasa ti-

da tidak puas hati dalam me-
nyuarat MT pada masa
akan datang.

Beliau menjelaskan, tin-
dakannya menyuarakan
rasa tidak puas hati me-
nerusi laman web itu di-
buat kerana berpendapat
ada tanggungjawab yang
seharusnya disampaikan
kepada penyokongnya.

"Isunya ialah saya tidak
menggunakan saluran yang
betul dalam meluahkan, me-
nyuarakan pendapat dan
rasa tidak puas hati.

"Saya terima teguran
dan pandangan termasuk
dari Presiden Umno, Da-
tuk Seri Dr Mahathir Mo-
hamad, anggota MT serta
pihak lain dengan hati ter-
buka," katanya.